



KEMENTERIAN PERTAHANAN



KEMENTERIAN KOMUNIKASI



KENYATAAN MEDIA BERSAMA

MAJLIS PELUNCURAN INISIATIF 'PERAJURIT BROADBAND' DAN PENYERAHAN MEMORANDUM PERSEFAHAMAN ANTARA ANGKATAN TENTERA MALAYSIA DENGAN SURUHANJAYA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

1. Kuala Lumpur, 11 Oktober 2024 - Menteri Pertahanan, YB Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin bersama Menteri Komunikasi, YB Fahmi Fadzil telah menyaksikan penyerahan Memorandum Persefahaman (MoU) antara Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) di Auditorium Kementerian Pertahanan, hari ini.
2. Pengerusi MCMC, Tan Sri Mohamad Salim bin Fateh Din menyerahkan MoU kepada Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Dato' Seri Mohammad bin Ab Rahman sebagai tanda jalinan kerjasama strategik antara MCMC dengan ATM dalam usaha untuk menambah baik perkhidmatan jalur lebar di kawasan premis ATM yang terpilih di seluruh negara, khususnya penghuni Rumah Keluarga Angkatan Tentera (RKAT).
3. Keseluruhannya, sebanyak 73 buah kem tentera akan terlibat sebagai penerima manfaat menerusi pembangunan infrastruktur gentian optik atau dikenali sebagai Fibre to the Home (FTTH). Inisiatif ini merupakan kelolaan bersama antara MCMC dengan Bahagian Siber dan Elektromagnetik Pertahanan dan Markas ATM (BSEP, MK ATM).
4. Beberapa skop utama telah dipersetujui melalui MoU ini, meliputi aspek peningkatan kesalinghubungan infrastruktur dan perkhidmatan jalur lebar gentian optik, perkongsian maklumat dan data, pelaksanaan latihan, serta program-program kesedaran dan pembangunan insan. Kemudahan ini akan memberi manfaat dalam aspek kemudahan pendidikan, komunikasi dan kesejahteraan hidup warga ATM.

5. Selain itu, **sebuah jawatankuasa pemantauan melibatkan ATM, MCMC, syarikat penyedia kemudahan dan syarikat perkhidmatan rangkaian akan ditubuhkan.** Jawatankuasa ini akan **berperanan** sebagai **pemantau kepada keseluruhan pelaksanaan projek** serta **memastikan tidak berlakunya pertindihan terhadap infrastruktur yang sedia ada.**
6. Kedua-dua Kementerian melihat banyak peluang kolaboratif pada masa akan datang yang boleh memberikan manfaat kepada warga Pertahanan dan ATM. Antaranya melalui inisiatif seperti Klik Dengan Bijak (KDB), Sukarelawan ICT Malaysia (MIV), pengenalan portal Sebenarnya.my dan Check Your Label (CYL).
7. Keseluruhan usaha ini adalah sejajar dengan hasrat Kementerian Pertahanan dan Kementerian Komunikasi untuk **memperkasakan kualiti hidup dan akses capaian pendidikan terbaik buat anak-anak warga ATM.** Selain itu, usaha tersebut juga berupaya **melahirkan insan yang celik digital dan berdaya saing** di samping menyokong dasar negara untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara digital dan berteknologi tinggi seiring kemajuan global.
8. Turut hadir ke program ini ialah Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan; Datuk Lokman Hakim bin Ali, Ketua Setiausaha Kementerian Komunikasi; Datuk Mohamad Fauzi bin Md Isa, Panglima Tentera Laut; Laksamana Datuk Zulhelmy bin Ithnain, Ketua Staf Markas ATM; Leftenan Jeneral Datuk Arman Rumaizi bin Hj Ahmad dan barisan pengurusan kepimpinan tertinggi MINDEF, ATM dan MCMC.

-TAMAT-

Kementerian Pertahanan Malaysia
11 Oktober 2024 (dikeluarkan pada jam 11.00 pagi)